

16/10/2003

Bukan amanat akhir Dr M

PUTRAJAYA: Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno pada 30 Oktober ini bukan majlis bagi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberikan amanat terakhir beliau.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakub, berkata mesyuarat itu hanya mesyuarat biasa yang lazim diadakan setiap awal Ramadan.

"Tiada amanat akhir yang akan disampaikan kerana amanat oleh Perdana Menteri memang selalu disampaikan beliau apabila selesai mesyuarat. Kita mempunyai MT bagi memberikan penjelasan peringkat parti dan Ketua Setiausaha Negara (KSN) bagi memberikan penjelasan pada peringkat kerajaan.

"Jadi, tidak timbul isu amanat terakhir PM pada mesyuarat itu nanti," katanya di Pusat Media Antarabangsa, Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) semalam.

Beliau mengulas laporan akhbar semalam yang mengatakan mesyuarat itu adalah majlis bagi Perdana Menteri menyampaikan amanat terakhir beliau.

Mengulas saranan Perdana Menteri yang mahukan ahli politik veteran dalam Barisan Nasional (BN) supaya berundur dan memberi laluan kepada muka baru, Khalil berkata perkara itu patut dijadikan iktibar oleh semua pihak.